

05/03/2003

Pencalonan untuk Anugerah Belia Negara

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta semua pertubuhan belia menghantar pencalonan pertubuhan masing-masing serta nama individu yang banyak menyumbang kepada pembangunan belia, untuk dicalonkan sebagai pemenang dalam pelbagai kategori Anugerah Belia Negara 2003.

Setiausaha Agung MBM, Norizan Sharif berkata pemenang anugerah itu akan diumumkan pada 15 Mei di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini sempena sambutan Hari Belia Negara.

Beliau berkata, pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan melancarkan sambutan itu.

"Anugerah Belia Negara diadakan kerajaan bagi memberikan pengiktirafan kepada individu dan pertubuhan yang menunjukkan jasa dan sumbangan cemerlang kepada pembangunan belia negara ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Lima kategori yang dipertandingkan adalah Anugerah Perdana Pertubuhan Belia, Kategori Kepimpinan, Kategori Kemahiran, Kategori Keusahawanan dan Kategori Kesukarelaan.